

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 17/03/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 14

## Kepala Batas

### Bantu tingkat nilai caruman koperasi sekolah

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyeru ibu bapa dan guru di seluruh negara supaya bekerjasama untuk meningkatkan keuntungan koperasi di sekolah masing-masing.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah itu perlu diambil supaya dana berkenaan dapat digunakan untuk program peningkatan kecemerlangan anak-anak.

Beliau berkata, keuntungan besar mampu diperoleh sekiranya nilai

caruman yang disumbangkan meningkat, sekali gus membolehkan perniagaan yang dijalankan di koperasi sekolah dapat berkembang.

“Kerjasama ibu bapa dan guru sangat penting dalam meningkatkan keuntungan koperasi sekolah dengan menggalakkan mereka untuk menyumbang lebih banyak, tetapi mengikut kemampuan masing-masing.

“Secara

puratanya, ibu bapa kini melabur sekitar RM10 setahun untuk koperasi sekolah melalui anak-anak. Jadi, kita mencadangkan supaya nilai itu dapat ditingkatkan kepada RM100 atau lebih sekiranya

mampu untuk menjana lebih banyak

keuntungan,”

katanya ketika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

Sekolah Menengah Sains Kepala Batas,

di sini, semalam.



ABDUL Fattah